

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1986/87

RGW 344 - Perumahan dan Pembangunan Komuniti

Tarikh: 22 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. (a) Terangkan apakah yang dimaksudkan daripada kenyataan J.F.C.Turner iaitu "Perumahan bukannya rumah"?

(20 markah)

- (b) Untuk melaksanakan dasar perumahan yang lebih berkesan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Kelima (RML) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memenuhi kehendak golongan pendapatan rendah.

Huraikan apakah langkah-langkah yang diutarakan dalam rancangan tersebut?

(80 markah)

2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perumahan konvensional dan bukan konvensional dari segi pembekalan perumahan?

(50 markah)

- (b) Terangkan perhubungan kumpulan-kumpulan keluarga yang bertapak di Bandar dengan aspek hak milik, lokasi dan piawaian perumahan.

(50 markah)

3. (a) Apakah faktor-faktor yang memberi kesan kepada perubahan permintaan dalam pasaran perumahan?

(50 markah)

- (b) Huraikan aspek-aspek yang perlu diambilkira dalam menilai keadaan perumahan di satu-satu negara.

(50 markah)

4. (a) Huraikan kesan-kesan pembandaran terhadap perumahan di bandar.

(50 markah)

- (b) Jelaskan bentuk-bentuk pembiayaan dalam projek perumahan.

(50 markah)

5. (a) Hurai dan beri pendapat anda tentang TIGA bentuk perumahan jaya - diri.

(70 markah)

- (b) Jelas dengan ringkas perumahan awam dibantu dalam sub-sistem pembekalan perumahan untuk golongan pendapatan rendah yang diterangkan oleh Shlomo Angel.

(30 markah)

6. Terangkan secara ringkas EMPAT perkara-perkara berikut:-

(Tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama).

- (a) Kepadatan bersih dan perumahan kepadatan tinggi.
- (b) Mod perumahan.
- (c) Keperluan dan permintaan perumahan.
- (d) Perumahan kondominium.
- (e) Komponen-komponen utama dalam perancangan satu jiran - desa.
- (f) Pendekatan bukan konvensional dalam penyelesaian perumahan untuk golongan pendapatan rendah.

(100 markah)

-oooo0ooo-

30

32